

09/12/1998

Artis banjiri MSC, kelab dangdut di Cyberjaya?

RANCANGAN kerajaan hendak melonjakkan negara memasuki era digital melalui Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita) mungkin mengalami kegagalan jika masyarakat masih lagi mengamalkan budaya berlibur serta meletakkan sesuatu yang bukan pada tempatnya.

Apa yang ketara ketika ini, sebahagian besar masyarakat lebih mengutamakan kegiatan berunsur hiburan dan membuang masa berbanding meluangkan masa untuk melakukan kegiatan berfaedah seperti meningkatkan kemahiran menggunakan komputer dan aplikasi berkaitan bagi memudahkan tugas harian, apa lagi untuk mempelajari bahasa pengaturcaraan.

Perhatikan di sana-sini, terlalu banyak tumpuan diberi terhadap bidang hiburan. Pelbagai pertandingan nyanyian diadakan, daripada karaoke, dangdut, pop rock, balada dan irama Malaysia. Pemenang pertandingan amat disanjung dan sekali gus, menjadi idola masyarakat. Cara perbualan, gaya berpakaian dan tingkah laku Gadis-gadis Rempah mahu pun Mamat Nak Belajar (telan) Batu, menjadi ikutan ramai, tanpa mempertimbangkan sama ada ia baik atau sebaliknya.

Berhibur secara berpatutan tidak salah tetapi jika tumpuan terlalu diberikan kepada hiburan menyebabkan kita lalai daripada melaksanakan tugas besar dan selaras dengan visi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kita memerlukan sesuatu yang serius kerana tugas untuk melonjakkan negara ke gerbang era digital bukannya mudah. Ia sukar dan berliku, penggembengan semua sumber tenaga, kepakaran dan ilmu amat penting bagi memastikan negara akan mencapai status negara maju menjelang 2020.

Revolusi mental amat penting untuk mengubah tanggapan masyarakat daripada menjadi pak turut kepada pencipta. Kita perlu mempunyai idealisme agar ia dapat bertindak sebagai pendorong memastikan impian jadi kenyataan dan cita-cita mewujudkan masyarakat kaya maklumat dan madani pada masa depan bukannya satu khayalan.

Kita boleh mencontohi Taiwan yang berjaya menjadi negara pengeluar ketiga terbesar berasaskan produk teknologi maklumat (IT) di dunia (IT Tonggak kestabilan ekonomi Taiwan di muka 7). Industri IT yang sudah diasaskan sejak 20 tahun lalu berjaya menjadikan negara berkenaan antara negara terkaya di Asia.

Taiwan terus makmur di tengah-tengah kegawatan ekonomi yang melanda dunia dengan mencatatkan pertumbuhan ekonomi 27 peratus dalam sektor berkenaan tahun ini. Tanpa perlu gusar terhadap ekonominya, negara itu kini mengumpulkan semua sumbernya untuk menerokai potensi pasaran yang ada dalam revolusi digital.

Naib Presiden Sektor Komersil Mimos Bhd, Rafee Yusof, berkata bagi mewujudkan budaya mencintai IT beliau mencadangkan diperbanyakkan khemah kerja IT untuk semua lapisan masyarakat.

"Melalui khemah kerja berkenaan lebih banyak lapisan masyarakat diberi pendedahan mengenai kepentingan IT dan manfaat yang dapat diberikan," katanya kepada KOMPUTER, minggu lalu.

Murid sekolah boleh memanfaatkan cuti sekolah sekarang untuk mengikuti kursus atau bekerja secara sambilan dalam mana-mana syarikat IT supaya pendedahan dapat dilakukan di peringkat awal.

"Budaya ini sudah meluas di Amerika Syarikat tetapi di negara ini kita masih terikat dengan cara lama, iaitu pelajar tidak perlu bekerja tetapi hanya memberi tumpuan kepada pelajaran," katanya.

Rakyat perlu disemai dengan sikap menghargai ciptaan dan inovasi baru manakala syarikat tempatan perlu berani menaja individu atau organisasi untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan produk baru.

Jika ada pemenang sesuatu ciptaan anjuran kerajaan atau swasta, ciptaan berkenaan hendaklah digunakan di sini supaya dapat mewujudkan sikap menghargai inovasi tempatan dan bukannya mendewakan produk luar.

Penghargaan dalam bentuk insentif boleh diberikan kepada rakyat tempatan yang berjaya mengharumkan nama negara dalam bidang sains dan teknologi, termasuk IT.

Sikap malas berfikir, menjadi pak turut, tiada aspek analisis terhadap pelbagai perkara perlu dikikis. Sebaliknya, pemupukan budaya mencari maklumat dan kebenaran perlu disuburkan.

Kawan pernah mendengar beberapa kanak-kanak perempuan prasekolah memberi jawapan dengan selamba bahawa cita-cita mereka ingin menjadi seorang artis apabila besar kelak. Apabila ditanya mengapa, ada yang akan memberi jawapan untuk hidup senang kerana boleh pikat dan berkahwin dengan hartawan.

Tidak hairan jika ada pembaca yang pernah mendengar ungkapan serupa seperti kawan. Jawapan mereka ini boleh menyebabkan kita berfikir panjang, apakah kualiti sumber manusia yang akan kita hasilkan? Sedangkan kita mempunyai tugas berat yang menanti di hadapan.

Terlalu banyak yang perlu kita ubah tetapi terlalu sedikit perubahan sudah dilakukan bagi diri sendiri kerana masa sudah semakin suntuk.